

# Vusimide 10mg/ml Furosemide Oral Solution

Furosemide (10mg/ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Vusimide 10mg/ml Furosemide Oral Solution
2. Bagaimana Vusimide 10mg/ml Furosemide Oral Solution berfungsi
3. Sebelum mengambil Vusimide 10mg/ml Furosemide Oral Solution
4. Cara mengambil Vusimide 10mg/ml Furosemide Oral Solution
5. Semasa mengambil Vusimide 10mg/ml Furosemide Oral Solution
6. Kesan-kesan Sampingan
7. Cara Penyimpanan dan Pelupusan Vusimide 10mg/ml Furosemide Oral Solution
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Vusimide 10mg/ml Furosemide Oral Solution

Vusimide 10mg/ml Furosemide Oral Solution digunakan dalam rawatan edema (pembengkakan) (keadaan di mana terdapat terlalu banyak air dalam badan anda) yang dikaitkan dengan kegagalan jantung, termasuk edema paru-paru (pengumpulan cecair dalam paru-paru), dan masalah buah pinggang dan hati. Ia juga boleh digunakan untuk mengurangkan tekanan darah tinggi secara berasingan atau bersama ubat darah tinggi yang lain.

## Bagaimana Vusimide 10mg/ml Furosemide Oral Solution berfungsi

Furosemide merupakan diuretik yang kuat dan cepat bertindak. Ia berfungsi dengan menyekat penyerapan natrium, klorida, dan air dari cecair yang ditapis dalam tubul renal, menyebabkan perkumuhan air kencing secara berlebihan.

## Sebelum mengambil Vusimide 10mg/ml Furosemide Oral Solution

### - Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil produk ini jika anda alah kepada Furosemide atau bahan-bahan lain dalam produk ini.

## Jangan mengambil ubat ini jika anda

## mengalami atau pernah mengalami sebarang masalah perubatan berikut:

- masalah buah pinggang atau tiada penghasilan atau pembuangan air kencing
- masalah hati

## Jika anda tidak pasti sama ada anda perlu mengambil ubat ini, berbincang dengan doktor anda.

### - Sebelum mula mengambil

**Beritahu doktor anda jika anda alah kepada mana-mana ubat-ubatan lain, makanan, pengawet atau pewarna.**

**Beritahu doktor anda jika anda mengalami atau pernah mengalami mana-mana masalah perubatan berikut:**

- ketidakseimbangan elektrolit anda (garam di dalam badan anda) atau cecair badan
- pembesaran prostat (*prostatic hyperplasia*)
- kesukaran untuk membuang air kecil
- kegagalan jantung kronik
- masalah hati

### Kehamilan dan penyusuan

Sila dapatkan nasihat doktor anda sebelum menggunakan Vusimide 10mg/ml Furosemide Oral Solution jika anda mengandung, merancang untuk mengandung, menyusukan anak atau bercadang untuk menyusukan anak. Doktor anda akan menimbangkan risiko berbanding manfaat yang mereka harapkan jika anda mengambil Vusimide 10mg/ml Furosemide Oral Solution.

### - Jika mengambil ubat-ubatan lain

Beritahu doktor anda jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk apa-apa yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat boleh mengganggu antara satu sama lain apabila diambil dengan Vusimide 10mg/ml Furosemide Oral Solution. Ini termasuk::

- Antibakteria seperti *Cefalotin*
- *Phenytoin* (digunakan untuk mencegah dan merawat sawan)

- *Astemizole* (digunakan untuk merawat alahan), *Terfenadine* (digunakan untuk merawat alahan), *Halofantrine* (digunakan untuk merawat malaria), *Pimozide* (digunakan untuk merawat tics otot dan tics ucapan serius), dan *Sotalol* (digunakan untuk merawat degupan jantung tidak normal)
- Kortikosteroid (digunakan untuk mengurangkan keradangan), *NSAIDs* (digunakan untuk mengurangkan keradangan), atau *Carbenoxolone* (digunakan untuk merawat ulser)
- *Metolazone* (digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi.)
- *Probenecid* (digunakan untuk merawat tahap asid urik yang tinggi dalam darah)

Ini bukanlah senarai lengkap ubat-ubatan yang perlu diberikan perhatian, sila bertanya kepada doktor atau ahli farmasi anda untuk maklumat lanjut.

## Cara mengambil Vusimide 10mg/ml Furosemide Oral Solution

### - Berapa banyak harus digunakan

Ikut semua arahan yang diberikan oleh doktor dan ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza daripada maklumat yang terkandung di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label, minta bantuan daripada doktor atau ahli farmasi anda.

Untuk rawatan edema:

Dewasa: 40mg sekali sehari. Dos diselaraskan mengikut tindak balas badan. Kes ringan boleh diselaraskan kepada 20mg setiap hari atau 40mg untuk hari berselang. Sesetengah pesakit mungkin memerlukan 80mg atau lebih, satu hingga dua kali sehari, atau berselang.

Kanak-kanak: Dos biasa ialah 1 hingga 3mg/kg sehari sehingga maksimum 40mg sehari.

Untuk rawatan tekanan darah tinggi:

Dewasa: 40 hingga 80mg satu kali sehari. Dos diselaraskan mengikut tindak balas badan.

- Bila perlu diambil

Anda patut mengikuti regimen dos yang disyorkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu diambil

Teruskan pengambilan Vusimide 10mg/ml Furosemide Oral selama yang doktor anda cadangkan.

- Jika terlupa mengambil

Jika anda terlupa ambil Vusimide 10mg/ml Furosemide Oral Solution, ambil secepat mungkin apabila anda teringat. Jangan cuba beri dos berganda untuk menggantikan dos yang terlepas.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat anda, jika anda fikir anda atau sesiapa sahaja mungkin telah mengambil terlebih dos ubat ini. Lakukannya walaupun tiada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan segera.

Jika anda mengambil ubat berlebihan, anda mungkin mengalami dehidrasi, pengurangan isipadu darah, tekanan darah rendah, ketidakseimbangan elektrolit, kekurangan kalium dalam aliran darah, dan tahap ion klorida yang rendah dalam darah.

**Semasa mengambil Vusimide 10mg/ml Furosemide Oral Solution**

- Perkara yang perlu dilakukan

Sentiasa mematuhi dos yang disyorkan. Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda jika simptom berterusan atau menjadi lebih teruk..

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mengambil Vusimide 10mg/ml Furosemide Oral Solution untuk merawat penyakit lain melainkan doktor atau ahli farmasi anda menasihati anda agar berbuat demikian.

Jangan beri Vusimide 10mg/ml Furosemide Oral Solution anda kepada orang lain walaupun mereka mengalami masalah yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu atau mengendalikan mesin dengan berhati-hati sehingga anda tahu bagaimana Vusimide 10mg/ml

Furosemide Oral Solution menjejaskan anda..

**Kesan-kesan Sampingan**

Kesan-kesan sampingan yang paling biasa adalah ketidakseimbangan cecair dan elektrolit termasuk hiponatraemia (tahap natrium yang rendah dalam darah anda), hypokalemia (tahap kalium yang rendah dalam darah anda) dan *hypochloroemic alkalosis* (tahap klorida yang rendah dalam darah anda).

Hipovolamia (isipadu darah rendah) dan dehidrasi mungkin berlaku, terutamanya pada orang tua.

Furosemide boleh menyebabkan *hyperuricaemia* (kepekatan asid urik darah tinggi) dan gout pada sesetengah pesakit.

Tanda-tanda garam rendah dalam badan anda termasuklah: mulut kering, dahaga, kelemahan otot, kurang pembuangan air kencing daripada biasa, mengantuk, kegelisahan dan denyutan jantung yang cepat atau tidak teratur.

**Jika anda mengalami gejala-gejala ini hubungi doktor anda dengan segera.**

Ini bukanlah senarai lengkap semua kesan sampingan yang mungkin berlaku. Keasn sampingan yang lain mungkin berlaku pada sesetengah orang dan mungkin terdapat beberapa kesan sampingan yang tidak diketahui lagi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

**Cara Penyimpanan dan Pelupusan Vusimide 10mg/ml Furosemide Oral Solution**

- Penyimpanan

- Simpan di bawah 30°C.
- Jauhkan daripada cahaya.
- Tutupkan penutup dengan ketat.
- Jauhi daripada kanak-kanak

- Pelupusan

Jangan ambil ubat ini selepas tarikh luput. Tarikh luput selalunya dicetak pada label dan kotak ubat.

Buangkan botol selepas 90 hari dibuka. Ubat-ubatan tidak seharusnya dilupuskan melalui air buangan atau buangan isi rumah. Tanya ahli farmasi anda bagaimana untuk membuang ubat-ubatan yang tidak dikehendaki.

**Maklumat lanjut**

- Rupa dan warna produk

Larutan sirap jernih yang berwarna oren dan berperisa oren. Tanpa alkohol dan gula.

- Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif

Setiap ml mengandungi Furosemide 10mg

- Bahan tidak aktif

Kalium Karbonat, Larutan Sorbitol 70%, Gliserin, Propilen Glikol, Sukralos, Sunset Yellow, Perisa Oren.

- Nombor MAL

*MAL15065040ACZ*

**Pengilang**

Winwa Medical Sdn. Bhd.  
1952, Lorong I.K.S. Bukit Minyak 3,  
Taman I.K.S. Bukit Minyak,  
14000 Bukit Mertajam,  
Pulau Pinang, Malaysia.

**Pemegang Pendaftaran Produk**

Pharm-D Sdn. Bhd.  
8B, Jalan 1/137C,  
Bedford Business Park,  
Off Jalan Kelang Lama,  
58000 Kuala Lumpur, Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

23/12/2021

**Nombor Siri**

BPFK(R4/1)210416/00120